

15/07/1998

Siti, Noraniza penyeri sendatari

Hardi Effendi Yaacob

PENYANYI popular Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris menjadi penyeri persembahan sendatari When Rivers Meet yang akan dipersembahkan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 14 hingga 16 Ogos ini.

Dua penyanyi itu yang bakal membawa lagu terbaru masing-masing, diiringi kumpulan penari profesional dari Panggung Negara, Temple Of Fine Arts Kuala Lumpur dan Dynasty House Kuala Lumpur, manakala muzik dialunkan secara langsung oleh kumpulan pemuzik DBKL.

Pemilihan Siti dan Noraniza bersesuaian dengan konsep kebudayaan dan kesenian tempatan yang menjadi agenda Panggung Negara menerusi sendatari itu berikutan kejayaan mereka mendendangkan lagu irama Melayu yang memikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menonton sendatari itu pada 13 Ogos ini.

Ketua Penolong Pengarah Panggung Negara, Johari Shaarani, berkata persembahan itu disifatkan alternatif terbaik ke arah menghidupkan kembali kebudayaan dan kesenian bangsa, selain memantapkan lagi pembentukan jati diri dan tata peradaban masyarakat tempatan.

Menurutnya, sendatari When Rivers Meet yang menggabungkan seni dan budaya Melayu, Cina dan India, bersempena Festival Kebudayaan Komanwel 1998.

"Sendatari ini bersandarkan konsep tarian dan nyanyian yang pernah diadakan sebelum ini. Cuma, kali ini ia turut membabitkan golongan artis popular," katanya.

Sendatari itu diarahkan Suhaimi Mohd Zain atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah. Dia berpengalaman luas dalam gubahan lagu latar bagi sebarang bentuk pementasan drama atau teater, selain mencipta lagu tradisional. Antara lagu ciptaannya, Cindai dendangan Siti, Yayasan (Sharifah Aini) dan Awallah Dongdang (Noraniza).

Reka tari membabitkan gabungan tiga koreografer berpengalaman seperti Mahmud Ibrahim, Michelle Fu dan K Shanker.

Persembahan 13 Ogos adalah suatu ujian untuk menentukan sama ada When Rivers Meet layak dipersembahkan kepada delegasi Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di ibu negara, September depan.

(END)